



**TEKS UCAPAN**

**YAB MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN**

**SEMPENA**

**PERSIDANGAN KEDUA (BELANJAWAN)  
PENGKAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KE-14**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PADA:  
26 NOVEMBER 2021**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “**Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2022 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu**” dibacakan bagi kali kedua.

## **MUKADIMAH**

1. Segala puji bagi Allah, Tuhan Tuan Punya seluruh alam. Dia lah Pemilik ke atas Negeri ini dan Penyedia segala sumber yang Maha Kaya, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan yang paling disayangi Nabi Muhammad S.A.W yang diutuskan untuk membawa rahmat ke seluruh alam.
2. Sesungguhnya kehidupan ini adalah sebuah ujian. Setiap dari kita tidak akan terlepas dari pelbagai bentuk ujian dari Allah S.W.T sama ada dalam bentuk kesusahan, kesenangan, kesakitan, kemiskinan mahupun wabak penyakit, supaya dari situ setiap diri manusia akan dinilai tahap keimanan dan ketaqwaannya kepada Allah S.W.T sebagaimana firmanNya dalam **Surah Al-'Ankabuut Ayat 2:**

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ

**Maksudnya: “Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?”**

3. Begitulah keadaan yang sedang kita lalui apabila wabak COVID-19 yang mula tercetus pada tahun 2019 di Wuhan masih lagi berlarutan sehingga kini. Namun, adab sebagai hamba, hendaklah kita lalui ujian ini dengan penuh sabar dan berdoa selaras dengan firman Allah S.W.T di dalam Al-Quran: **“Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (yaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan, ‘Inna lillaahi wa innaa ilaihi raaji’uun’. Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat daripada Tuhan mereka dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk.”** (Surah Al-Baqarah Ayat 155-157).

## **SENARIO EKONOMI DUNIA**

4. Pandemik COVID-19 benar-benar merubah landskap kehidupan manusia di seluruh dunia merentasi sempadan benua, negara, bangsa dan agama. Sepanjang tahun 2020 dan 2021, dunia telah berhadapan dengan fenomena krisis kesihatan dan ekonomi yang sangat dahsyat dan

menggerunkan. Krisis ini membawa kepada kemerosotan ekonomi global yang menguncup sebanyak **-3.2 peratus** pada tahun 2020 berdasarkan laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Data daripada Bank Dunia pula telah merekodkan peningkatan kadar pengangguran kepada **6.5 peratus**. Krisis ekonomi akibat pandemik COVID-19 ini memberi kesan yang luar biasa dan dijangka memerlukan satu tempoh yang lebih lama untuk kembali pulih sepenuhnya.

## **SENARIO EKONOMI NEGARA**

5. Seperti kebanyakan negara-negara lain, Malaysia turut mengalami kesan yang signifikan. Ekonomi negara telah merekodkan penguncupan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2020 kepada **-5.6 peratus** sekali gus meletakkan kadar pertumbuhan ini di kedudukan kedua terendah selepas Krisis Kewangan Asia yang mencatatkan penguncupan **-7.4 peratus** pada tahun 1998.

6. Penguncupan ini berkadar langsung dengan peratus pengangguran negara pada tahun 2020 apabila kadar pengangguran telah meningkat secara mendadak kepada **4.5 peratus** berbanding **3.2 peratus** semasa Krisis Kewangan Asia. Jelas, krisis kesihatan ini telah menjerumuskan negara kepada krisis ekonomi yang mengakibatkan ratusan ribu rakyat kehilangan pekerjaan.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

7. Usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 ini telah memaksa kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah memberikan kesan langsung kepada hampir keseluruhan sektor ekonomi. Sehingga suku kedua tahun ini, ekonomi negara mencatatkan pemulihan dengan pertumbuhan pada kadar **16.1 peratus** jika dibandingkan dengan suku kedua tahun lalu dengan penguncupan ketara pada **-17.2 peratus**. Walau bagaimanapun, berdasarkan situasi semasa dengan pemulihan ekonomi yang masih perlahan, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi negara pada kadar antara **3.0 hingga 4.0 peratus** bagi keseluruhan tahun 2021 ini.

8. Semasa pembentangan belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, Kerajaan Persekutuan telah mengunjurkan ekonomi negara akan berkembang pada kadar **5.5 hingga 6.5 peratus** pada tahun 2022.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

## **SENARIO EKONOMI NEGERI SEMBILAN**

9. Secara keseluruhannya, semua negeri di Malaysia mencatat pertumbuhan negatif pada tahun 2020. Negeri Sembilan turut mencatatkan penyusutan KDNK kepada **-3.6 peratus**. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi tersebut adalah lebih baik berbanding pertumbuhan ekonomi negara pada **-5.6 peratus**. Keseluruhan sektor ekonomi di negeri ini turut mencatatkan pertumbuhan negatif. Impak terbesar adalah pada sektor pembinaan yang menguncup **-25.6 peratus** dan sektor perlombongan

dan pengkuarian -11.2 peratus. Walau bagaimanapun, sektor ini hanya menyumbang 3.5 peratus daripada keseluruhan KDNK negeri. Dua sektor utama yang menyumbang 87.6 peratus kepada ekonomi negeri iaitu sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan turut mengalami penguncupan masing-masing sebanyak -1.1 peratus dan -4.9 peratus. Sektor pertanian juga turut terkesan dengan penguncupan sebanyak -6.6 peratus.

10. Namun alhamdulillah, sungguhpun berhadapan dengan persekitaran yang sangat sukar, Kerajaan Negeri Sembilan telah berjaya mengutip hasil sebanyak **RM447.88 juta** atau bersamaan **98 peratus** pada tahun 2020, iaitu satu pencapaian yang sangat membanggakan.

### **Kadar Pengangguran**

11. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang terpaksa dilakukan oleh kerajaan untuk membendung pandemik COVID-19 telah memberikan kesan langsung kepada semua sektor ekonomi sehingga menyebabkan berlakunya pemberhentian pekerja bagi mengurangkan impak kerugian kepada syarikat. Pengangguran di negeri ini telah meningkat kepada **3.8 peratus** pada tahun 2020 berbanding **3.1 peratus** sebelum berlakunya pandemik. Trend kadar pengangguran di Negeri Sembilan melalui tempoh krisis hampir menyamai trend di peringkat nasional.

12. Lebih menyedihkan, pekerja kategori separa mahir dan tidak mahir adalah mereka yang terkesan akibat daripada penguncupan ekonomi ini. Bilangan pekerja separa mahir berkurang sebanyak 4,500 orang manakala pekerja tak mahir menyusut sebanyak 11,900 orang.

13. Memasuki tahun 2021, pengangguran di Negeri Sembilan mula menunjukkan trend pemulihan dengan kadar pengangguran berkurang kepada **3.5 peratus** pada suku kedua tahun 2021. Ianya berada pada kedudukan lebih baik namun belum pulih sepenuhnya berbanding sebelum tempoh pandemik.

### **Insiden Kemiskinan**

14. Insiden kemiskinan pula meningkat kepada **6.5 peratus** untuk tahun 2020 terutamanya kemiskinan bandar. Kadar gaji dan upah mencatatkan pengurangan selari dengan penguncupan ekonomi. Negeri Sembilan mencatatkan pengurangan gaji dan upah pada kadar **-6.4 peratus**. Lebih membimbangkan apabila penguncupan kadar gaji dan upah ini adalah dua kali ganda lebih besar berbanding penguncupan KDNK negeri.

### **Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

### **Pelaburan**

15. Ibarat kata perbidalan, berpatah sayap bertongkat paruh, pasukan pentadbiran Kerajaan Negeri tetap tidak menyerah kalah kepada persekitaran ekonomi yang suram sebaliknya terus gigih menarik sebanyak mungkin pelaburan langsung ke negeri ini. Alhamdulillah, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh **Malaysia Investment Development Authority (MIDA)** pada 2 Mac 2021, Negeri Sembilan telah mencatatkan

nilai pelaburan yang tertinggi dalam sejarah iaitu **RM7.93 bilion** pada tahun 2020.

16. Bagi meneruskan lagi momentum ini, saya telah melancarkan ***Invest NS 2021*** pada 15 Disember 2020 bertujuan untuk mempromosi dan menarik lebih ramai pelabur domestik dan luar negara datang ke negeri ini. Alhamdulillah, sehingga suku kedua tahun 2021, kita telah berupaya menarik **RM2.2 bilion** pelaburan yang telah diluluskan dan dijangka akan mencapai sasaran **RM5.0 bilion** sehingga penghujung tahun ini. Pelaburan ini dijangka akan mencipta **1,274 peluang pekerjaan**.

17. Berdasarkan unjuran yang dibuat oleh pakar ekonomi, **Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari** dari Universiti Putra Malaysia (UPM), ekonomi negeri dijangka akan merekodkan pemulihan dengan pertumbuhan KDNK antara **2.3 hingga 3.3 peratus** sehingga hujung tahun 2021. Pertumbuhan ekonomi ini dijangka akan terus menunjukkan trend pemulihan yang meyakinkan di antara **3.2 hingga 4.2 peratus** pada tahun 2022. Unjuran yang lebih tinggi dijangka dapat dicapai jika ekonomi terus dibuka dan pemulihan sektor pelancongan melalui pembukaan sempadan negara kepada pelawat dan pelancong asing dapat dilakukan pada awal tahun 2022.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

**PENGHARGAAN DAN PENCAPAIAN**

**Pengurusan Pandemik COVID-19 Dan Pelan Pemulihan Negara**



18. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan hadapan yang telah bertungkus lumus memerangi dan memutuskan rantaian wabak COVID-19 di negeri ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada syarikat-syarikat swasta, badan-badan NGO, orang perseorangan, penjawat awam dan pemimpin-pemimpin tempatan yang turut sama membantu memerangi wabak COVID-19 ini. Sesungguhnya kalian adalah wira kami.

***Tenang-tenang air di laut  
Sampan kolek bawa ke tanjung  
Hati terkenang mulut menyebut  
Budi baik tuan kami sanjung***

19. Peningkatan kes positif yang berterusan sejak penghujung tahun 2020 telah menyebabkan Proklamasi Darurat diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 11 Januari 2021. Untuk rekod, kes positif harian tertinggi yang pernah dicatatkan adalah **1,619 kes pada 16 Julai 2021**. Jumlah kes terkumpul positif COVID-19 di Negeri Sembilan sehingga **15 November 2021** adalah **105,859 kes** dengan **1,254 kematian**.

20. Sungguh pun dikecam hebat oleh segelintir pihak yang sentiasa mencari salah, Kerajaan Negeri tetap tekad menggandakan usaha dan strategi dalam menurunkan kes positif harian sebagaimana peringatan Allah S.W.T dalam ***Surah Al-Baqarah Ayat 153 yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Mohonlah pertolongan (kepada Allah)***

***dengan sabar dan solat. Sungguh, Allah berserta orang-orang yang sabar.”***

21. Alhamdulillah, ibarat munculnya pelangi selepas hujan, tawa selepas tangisan, Negeri Sembilan telah muncul sebagai negeri pertama di Semenanjung Malaysia yang diumumkan beralih ke **Fasa Empat (4) Pelan Pemulihan Negara** pada **24 September 2021** yang lalu. Kejayaan ini adalah hasil usaha bersepadu semua pihak untuk meningkatkan tahap imuniti kelompok melalui pemberian vaksin secara besar-besaran di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Sehingga **15 November 2021**, jumlah populasi dewasa yang telah lengkap divaksin adalah seramai **816,038 orang** bersamaan **102 peratus**. Peralihan ke Fasa 4 ini juga membolehkan semua sektor ekonomi berjalan semula setelah sekian lama terhenti akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

22. Namun, janganlah sesekali kita lupa dan lalai kerana kita masih belum menang. Munajat dan doa perlu diteruskan agar Allah S.W.T memberikan keampunan kepada kita semua dan melindungi negeri ini dari apa jua bala bencana dan wabak penyakit. Saya dengan ini mempelawa seluruh rakyat Negeri Sembilan untuk turut serta menyertai majlis bacaan Al-Mathurat Kubra dan pimpinan rohani secara mingguan yang dibuat secara atas talian pada setiap Jumaat malam.

### **Negeri Sembilan FC Juara Liga Perdana**

23. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan bola sepak Negeri Sembilan FC kerana telah **menjuarai**

**Liga Perdana** pada musim ini. Kejayaan pasukan NSFC ini telah menamatkan penantian trofi selama sembilan (9) tahun sejak muncul juara Piala Sumbangsih tahun 2012. Kejayaan ini juga merupakan pelengkap kepada kejayaan skuad Negeri Sembilan untuk beraksi di Liga Super musim hadapan. Namun begitu, hasrat rakyat Negeri Sembilan untuk menyaksikan pasukan negeri beraksi di pentas Piala Malaysia tidak kesampaian apabila 20 orang pemain dan pasukan pengurusan NSFC disahkan positif COVID-19 dan terpaksa menarik diri dari pertandingan.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

#### **PRESTASI BELANJAWAN 2021**

24. Semasa pembentangan Belanjawan 2021 pada **27 November 2020** yang lalu, saya telah membentangkan unjuran hasil sebanyak **RM448 juta** dengan tema "**Merangsang Ekonomi, Mensejahtera Rakyat**". Unjuran tersebut adalah berdasarkan kepada analisis dan petunjuk-petunjuk ekonomi hasil sesi libat urus dengan pelbagai pihak bagi mendapatkan satu unjuran hasil yang paling realistik. Walau bagaimanapun, PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan mulai **12 Mei 2021** telah menyebabkan hampir ke semua sektor ekonomi tergendala dan tidak dapat beroperasi. Sektor pembangunan hartanah, pembinaan, kuari, pasir dan pelancongan adalah antara sektor yang terjejas teruk dan memberikan kesan langsung kepada penyusutan hasil bukan cukai seperti bayaran premium dan royalti.

25. Analisis menggunakan model ekonometrik siri-masa menunjukkan, peningkatan intensiti sekatan perjalanan domestik, pembatasan acara awam

dan penutupan tempat kerja, telah memberi kesan langsung terhadap kutipan hasil negeri dan kehilangan pekerjaan kerana beroperasi di bawah kapasiti optimum. Untuk makluman sidang dewan yang mulia, prestasi kutipan hasil negeri sehingga **15 November 2021** adalah **RM334.27 juta** atau **74.61%**.

26. Pelbagai usaha dan strategi, telah dan sedang diambil oleh semua pejabat pemungut hasil bagi mengecilkan jurang. InsyaAllah, saya amat yakin dan optimis, pada penghujung tahun 2021 nanti, kita akan berupaya mengutip hasil sekurang-kurangnya **90 peratus** daripada anggaran belanjawan. Untuk itu, saya ucapkan terima kasih kepada semua ketua jabatan yang terlibat, khususnya kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, kerana tidak berputus asa dan sentiasa gigih memperhebatkan kutipan hasil negeri.

27. Sungguhpun hasil negeri sedikit rendah berbanding sasaran, namun, Alhamdulillah, rizab Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri masih lagi kukuh. Sehingga **15 November 2021**, jumlah rizab Kerajaan Negeri adalah berjumlah **RM899.25 juta** yang terdiri dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak **RM446.42 juta** dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah **RM452.83 juta**.

28. Sebagai tindakbalas dalam menghadapi kesan pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri telah menyusun semula perbelanjaan bagi tujuan menangani COVID-19 berjumlah **RM29.4 juta**. Beberapa peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan akibat PKP, telah dipindahkan bagi maksud yang lebih utama khususnya membiayai pelbagai bantuan rakyat seperti

pemberian **4,470 unit** peranti bagi membantu PdPR para pelajar dan edaran bakul makanan.

29. Sehingga **15 November 2021**, prestasi perbelanjaan mengurus adalah **RM357.69 juta** atau **63.65 peratus** manakala prestasi perbelanjaan pembangunan pula adalah **RM83.91 juta** atau **54.84 peratus**.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

### **RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025**

30. Menyedari negeri sedang berhadapan dengan dua krisis yang tidak pernah dihadapi sebelum ini iaitu krisis kesihatan dan krisis ekonomi, maka pastinya kita memerlukan pendekatan yang berbeza dalam usaha untuk memulihkan ekonomi secepat yang mungkin. Kerajaan perlu mengenal pasti sektor yang mesti diberikan tumpuan agar setiap perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan mampu menjana impak yang optimum kepada ekonomi negeri seterusnya memberi pulangan hasil kepada kerajaan. Hala tuju pembangunan ekonomi Negeri Sembilan secara keseluruhannya bergantung kepada pembangunan sektoral.

31. Untuk itu, dua petunjuk utama digunakan untuk menilai dan mengenal pasti sektor-sektor ekonomi yang berpotensi menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi negeri pada tahun 2022. Petunjuk **Analisis Pegganda** atau "*multiplier*" dan **Hubungkait Sektoral** atau "*sectoral linkages*" telah digunakan berdasarkan model input-output yang dibangunkan. Hasil kajian mendapati secara umumnya setiap **1.0 peratus** peningkatan nisbah

perbelanjaan mengurus cenderung untuk menjana **1.3 peratus** KDNK negeri. Seterusnya, peningkatan **1.0 peratus** KDNK berpotensi menjana peningkatan jumlah hasil sebanyak **0.8 peratus**. Nilai pengganda KDNK dan jumlah hasil ini telah mengambil kira kesan langsung dan tak langsung kepada ekonomi Negeri Sembilan.

32. Analisis Model Input-Output yang dibangunkan telah membantu Kerajaan Negeri mengenal pasti **empat (4) kuadran** sektor ekonomi iaitu **Sektor Strategik, Sektor Utama, Sektor Kendiri** dan **Sektor Pemacu**. Setiap sektor tersebut telah dianalisis secara empirikal dalam penyediaan Belanjawan 2022 dan hala tuju pembangunan negeri di bawah RMKe-12 dengan mengenal pasti subsektor-subsektor yang perlu diberikan tumpuan. Di Negeri Sembilan, subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, penginapan dan sektor pertanian merupakan sektor strategik. Subsektor pemprosesan makanan dan minuman yang berhubungkait rapat dengan keusahawanan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pula termasuk dalam kumpulan sektor pemacu. Sektor-sektor ini mempunyai pengganda nilai ditambah dan pengganda pekerjaan yang tinggi. Justeru, langkah kerajaan untuk memulihkan ekonomi negeri dengan lebih berfokus, hendaklah memberi keutamaan kepada aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan sektor-sektor tersebut.

33. Berdasarkan dapatan ini, amat wajar supaya satu pemetaan baharu sektor ekonomi disediakan oleh Kerajaan Negeri supaya langkah pemulihan ekonomi yang dilaksanakan berkesan dan rakyat dapat terus hidup sejahtera. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sedang membangunkan **Rancangan Pembangunan Negeri**

**Sembilan (RPNS) 2021-2025.** Rancangan ini merupakan pelan jangka sederhana bagi pembangunan ekonomi negeri. Tumpuan bagi rancangan ini adalah kepada bidang Makroekonomi dan Fiskal Negeri, Keusahawanan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Modal Insan, Penggunaan Sumber Alam dan tumpuan kepada sektor bernilai tinggi.

## **BELANJAWAN 2022**

34. Alhamdulillah, pembentangan Belanjawan 2022 ini merupakan tahun ke-empat saya dalam menggalas tanggungjawab bagi memastikan Negeri Sembilan yang dicintai ini terus membangun dengan sejahtera. ***Kok rumput nan sehelai, kini dah jadi padang, kok sawah nan selopak, kini dah jadi bondang, kok dahan nan sepucuk, kini dah jadi pohon yang rendang. Kok ibarat tanah, nak dibuktikan, kok air setitik nak dijadikan lautan.*** Begitulah ibarat kerajaan yang mentadbir negeri ketika ini yang semakin matang dan bijaksana dalam mengurus kemaslahatan ummah.

35. Keutamaan Belanjawan 2022 harus bertumpu kepada agenda pemulihan ekonomi rakyat pasca COVID-19. Seluruh tumpuan dan iltizam hendaklah difokuskan kepada semua inisiatif yang boleh merancakkan kembali ekonomi domestik dengan **dua (2) tekad** utama iaitu **Mengurangkan Beban Perbelanjaan Rakyat** dan **Meningkatkan Keupayaan Penjana Pendapatan Keluarga**. Mendasari semangat dan iltizam ini, sukacita saya mengumumkan tema Belanjawan Tahun 2022 ini adalah:

**“MENDAYA UPAYA EKONOMI RAKYAT”**

36. Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, **Belanjawan 2022** dengan peruntukan **Perbelanjaan Mengurus** sebanyak **RM520 juta** berbanding **Anggaran Hasil** sebanyak **RM432 juta**. Peruntukan bagi maksud **Perbelanjaan Pembangunan** pula adalah sebanyak **RM130 juta**. Justeru, Belanjawan tahun 2022 yang dicadangkan ini merupakan **belanjawan defisit** sebanyak **RM88 juta**.

37. Dalam meneruskan agenda pemulihan ekonomi, adalah perlu bagi sesebuah Kerajaan Negeri untuk berbelanja lebih daripada kutipan hasil bagi membolehkan lebih banyak intervensi dan suntikan dana awam dilakukan sekali gus membantu kenaikan KDNK negeri seperti yang telah saya terangkan di awal tadi. Namun, belanjawan defisit ini perlulah bersifat terarah dengan memberikan keutamaan kepada sektor-sektor yang memberi nilai penganda tinggi kepada ekonomi.

### **Anggaran Hasil 2022**

38. **Hasil Cukai** dijangka menyumbang sebanyak **RM160.37 juta** atau **37.12 peratus**. **Hasil Bukan Cukai** pula dijangka akan menyumbang sebanyak **RM211.64 juta** atau **48.99 peratus**. Penurunan sasaran hasil bukan cukai ini adalah berdasarkan jangkaan penurunan hasil premium tanah disebabkan pemulihan ekonomi yang dijangka perlahan bagi sektor pembinaan dan hartanah. Manakala, **Terimaan Bukan Hasil** dijangka akan diperolehi sebanyak **RM59.99 juta** atau **13.89 peratus**.

### **Anggaran Mengurus 2022**



39. Bagi peruntukan mengurus, perbelanjaan tertinggi adalah bagi maksud **Emolumen** yang berjumlah **RM203.15 juta** atau **39.07 peratus**. Seterusnya, **Perkhidmatan dan Bekalan** sebanyak **RM105.70 juta** atau **20.33 peratus**, **Perolehan Aset** sebanyak **RM0.87 juta** atau **0.17 peratus**, **Pemberian dan Kenaan Tetap** sebanyak **RM196.23 juta** atau **37.73 peratus** dan **Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain** sebanyak **RM14.05 juta** atau **2.70 peratus**.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

## **STRATEGI BELANJAWAN 2022**

40. Bagi memastikan tema belanjawan ini tercapai dan benar-benar dapat direalisasikan, belanjawan ini akan dilaksanakan berdasarkan **tiga (3) strategi**:

- i. **Strategi Pertama** : Mengupaya Keusahawanan dan Pasaran Guna Tenaga;
- ii. **Strategi Kedua** : Memperkukuh Sokongan Sosioekonomi Rakyat dan Sumber Daya Insan; dan
- iii. **Strategi Ketiga** : Menambahbaik Penawaran Perkhidmatan Kepada Masyarakat

## **INISIATIF BELANJAWAN 2022**

41. Berdasarkan kepada strategi tersebut, Belanjawan 2022 ini akan memberi fokus kepada **Lapan (8) Bidang Tumpuan**. Pelbagai bantuan

kewangan, pemberian tunai, insentif bukan kewangan dan bantuan sokongan telah direncanakan oleh Kerajaan Negeri untuk dimanfaatkan oleh rakyat.

42. Sehubungan itu, sukacita saya umum sebanyak **52 inisiatif** berjumlah **RM64.09 juta** akan dilaksanakan dalam Belanjawan 2022 untuk rakyat negeri ini. Sebanyak **40 inisiatif sedia ada** akan dikekalkan atau ditambahbaik dan **12 inisiatif baharu** akan diperkenalkan.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

### **BIDANG TUMPUAN 1: EKONOMI RAKYAT**

43. **Bidang Tumpuan Pertama** adalah **Ekonomi Rakyat**. Dalam fasa pemulihan ekonomi pasca COVID-19, tumpuan harus diberikan kepada penjana pendapatan rakyat terutama melalui aktiviti perniagaan kecil dan sederhana. Penglibatan rakyat dalam bidang keusahawanan perlulah digalakkan dengan menyediakan pelbagai bentuk insentif, suntikan modal, geran perniagaan, pinjaman mudah dan kemudahan infrastruktur supaya kelompok rakyat yang terjejas dapat bangkit kembali membangunkan ekonomi keluarga. Untuk itu, sebanyak **RM15.7 juta** diperuntukkan bagi bidang tumpuan ini yang melibatkan sebanyak **12 inisiatif**.

#### **Mengupayakan Keusahawanan**

44. Usaha Kerajaan Negeri untuk **mengupayakan keusahawanan** akan dilaksanakan melalui inisiatif seperti berikut:

#### 45. **Inisiatif Pertama – Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS)**

Inisiatif dalam bentuk geran perniagaan berjumlah **maksimum RM3 ribu** kepada usahawan kecil ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 2019 lagi. Sehingga kini, jumlah terkumpul penerima geran TUNS ini adalah seramai 4,147 orang. Pelaksanaan inisiatif ini telah menampakkan impak positif dalam kegiatan keusahawanan di negeri ini. Sebagai contoh, kejayaan **Puan Siti Aisah Binti Saharudin** yang merupakan penerima geran TUNS pada November 2020 yang lalu. Beliau merupakan peniaga pasar malam sejak 16 tahun yang lalu dan terjejas akibat pandemik COVID-19. Dengan bantuan geran TUNS, beliau telah membeli kelengkapan berniaga dan set *catering* bagi melaksanakan perniagaan penyediaan dan tempahan makanan yang beliau laksanakan secara atas talian. Alhamdulillah, beliau berjaya meningkatkan pendapatan keluarga daripada RM2 ribu kepada RM5 ribu sebulan.

46. Melihat kejayaan ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif **TUNS** dengan peruntukan sebanyak **RM3.0 juta** lagi pada tahun hadapan yang dijangka akan memberi manfaat kepada seramai seribu usahawan.

#### 47. **Inisiatif Kedua – Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) PLUS**

Pada Belanjawan 2021 yang lalu, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif **TUNS PLUS** iaitu satu program transformasi usahawan, supaya lebih berkembang atau *groom big* dalam bidang perniagaan masing-masing. Inisiatif yang diterajui oleh Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) ini, menyediakan **pinjaman mudah tanpa faedah** kepada

usahawan-usahawan yang layak khususnya kepada penerima geran awal TUNS. Sehingga kini, seramai 213 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pinjaman **maksimum RM15 ribu** bagi setiap pemohon. Justeru, kerajaan bersetuju meneruskan inisiatif ini dengan peruntukan sebanyak **RM3.0 juta**.

#### 48. **Inisiatif Ketiga**

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP yang lalu, ramai pekerja yang terpaksa diberhentikan pekerjaan dan hilang punca pendapatan. Bagi meneruskan kelangsungan hidup, kebanyakan mereka menceburi bidang perniagaan berasaskan makanan secara kecil-kecilan di rumah masing-masing. Namun, sebahagian mereka tidak dapat memasarkan produk dengan lebih jauh lagi disebabkan tidak melepasi piawaian pensijilan halal yang ditetapkan oleh kerajaan seperti kebersihan premis, kualiti alatan dan perkakasan yang digunakan, pembungkusan produk dan lain-lain supaya mematuhi prinsip *halalan toyyiban*. Bagi mengupayakan usahawan kecil ini, Kerajaan Negeri memperkenalkan satu inisiatif baharu **Halal Cottage** dengan peruntukan awal sebanyak **RM0.5 juta** yang akan diterajui oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Menerusi inisiatif ini, usahawan *cottage* akan diberikan geran bantuan **tidak melebihi RM5 ribu seorang** untuk menaik taraf premis dan alatan supaya memenuhi piawaian halal yang ditetapkan.

### **Memperkukuh Kegiatan Usahawan Tani dan Nelayan**

49. Sektor pertanian merupakan sektor strategik dalam hubungkaitnya dengan sektor ekonomi lain. Ianya merupakan penyumbang yang signifikan

kepada ekonomi negeri iaitu **7.2 peratus** daripada KDNK negeri pada tahun 2020. Melihat kepentingan sektor pertanian, kerajaan akan meneruskan **tiga (3) inisiatif sedia ada** dan memperkenalkan **dua (2) inisiatif baharu untuk memperkukuh kegiatan usahawan tani** seperti berikut:

#### 50. **Inisiatif Keempat – Siswazah Tani (INSIST9)**

Bagi meningkatkan penglibatan siswazah dalam bidang pertanian, pemberian bantuan **Siswazah Tani (INSIST9)** dalam bentuk geran berjumlah **maksimum RM10 ribu** akan diteruskan. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2020. Sehingga kini, seramai 119 orang siswazah telah menerima manfaat. Untuk itu, sebanyak **RM0.5 juta** akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

51. Suka untuk saya berkongsi kisah **Encik Khairul Syakirin bin Mohamad**, seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan berusia 31 tahun. Beliau telah mengusahakan projek tanaman cili secara fertigasi di atas tanah seluas 0.3 hektar di Ayer Kuning, Tampin sejak tahun 2019. Beliau telah menerima geran INSIST9 berjumlah RM5 ribu pada tahun 2021. Jumlah pengeluaran 2021 adalah berjumlah 9.6 tan dan telah memperoleh pendapatan kasar berjumlah RM96 ribu.

52. Seorang lagi penerima geran INSIST9 adalah **Cik Tan Sie Jie** merupakan siswazah jurusan Diploma Pengurusan Hotel. Beliau telah menceburkan diri dalam bidang pertanian semasa berlakunya PKP pada pertengahan 2020 dengan melaksanakan projek tanaman sayuran seperti cili, terung dan labu atas tanah berkeluasan 2.0 hektar di Kampung Bukit Laka, Serting di Daerah Jempol. Geran INSIST9 sebanyak RM10 ribu telah

diberikan kepada beliau. Kini, beliau telah berjaya memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM140 ribu dengan pengeluaran berjumlah 35 tan.

### 53. **Inisiatif Kelima – Petani Muda**

Penglibatan anak-anak muda selain dari siswazah dalam bidang pertanian juga perlu diberikan sokongan sebagai pemangkin untuk mereka terus berbudi pada tanah. Inisiatif yang baru dilaksanakan pada tahun 2021 ini, telah mendapat sambutan yang sangat baik dan sehingga kini seramai 75 orang petani muda telah menerima geran bantuan sebanyak **maksimum RM10 ribu seorang**. Oleh itu, kerajaan bersetuju memperuntukkan sebanyak **RM0.5 juta** pada tahun hadapan untuk meneruskan inisiatif ini.

### 54. **Inisiatif Keenam – Pembangunan Tanah Terbiar**

Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif **pembangunan tanah terbiar** dengan peruntukan sebanyak **RM1.0 juta** pada tahun hadapan. Sepanjang tahun 2021 ini, 63 kelulusan telah diberikan melibatkan pembangunan 181 hektar tanah terbiar. Bantuan dalam bentuk input pertanian dan kemudahan infrastruktur disediakan untuk mengusahakan pelbagai aktiviti pertanian dengan nilai bantuan **maksimum RM15 ribu per hektar**.

### 55. **Inisiatif Ketujuh**

Kerajaan Negeri melihat terdapat keperluan untuk membantu usahawan tani memperkukuhkan lagi aktiviti pertanian yang sedang diusahakan supaya dapat mencapai skala yang lebih besar atau *economic scale* sekaligus dapat menggandakan produktiviti pengeluaran. Satu kerjasama strategik antara **Kerajaan Negeri dan Agro Bank** akan dilaksana untuk menyediakan kemudahan pinjaman skala sederhana kepada usahawan tani yang layak.

Justeru itu, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu **Tabung Agro** dalam bentuk **pinjaman mudah tanpa faedah** dengan nilai **maksimum RM50 ribu** sebagai pengukuhan modal perniagaan. Sebanyak **RM3.0 juta** akan diperuntukkan untuk inisiatif ini.

#### 56. **Inisiatif Kelapan**

Selain daripada petani, Kerajaan Negeri turut prihatin terhadap nasib nelayan pesisir pantai di Port Dickson yang turut terjejas. Sungguhpun terletak di bawah tanggungjawab Persekutuan, namun Kerajaan Negeri tetap prihatin dan peka dengan penderitaan yang dialami oleh nelayan pantai ini dalam meneruskan kelangsungan hidup. Untuk itu, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu **Insentif Galakan Nelayan** atau **INGEN**, dengan dana sebanyak **RM0.5 juta** bagi membantu nelayan membeli kelengkapan, alatan dan baik pulih bot dengan geran bantuan antara **RM5 ribu hingga RM15 ribu seorang** tertakluk kepada kelayakan dan pengesahan yang akan dibuat oleh agensi kerajaan yang berkenaan.

### **Meningkatkan Semula Penglibatan Rakyat Dalam Pasaran Guna Tenaga**

#### 57. **Inisiatif Kesembilan – Job Fair**

Kerajaan Negeri menyedari bahawa terdapat sebahagian rakyat yang terkesan dengan kehilangan pekerjaan akibat situasi pandemik COVID-19 dan sebilangan graduan masih menganggur bagi mendapatkan pekerjaan dalam situasi masa kini. Pelbagai usaha dan aktiviti dirancang oleh kerajaan bagi memberi peluang pekerjaan kepada rakyat. Sebagai contoh, Karnival Kerjaya Nogori Kito yang akan diadakan pada 4 Disember 2021 akan

datang. Adalah diharapkan lebih banyak peluang pekerjaan akan ditawarkan semula selaras dengan pemulihan ekonomi yang sedang berjalan. Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan **Job Fair** dengan peruntukan ditingkatkan kepada **RM200 ribu**.

#### 58. **Inisiatif Ke-10**

Selain daripada peruntukan kerajaan, Kerajaan Negeri juga komited untuk menggerakkan badan-badan berkanun negeri supaya membantu mengupayakan pasaran buruh di negeri ini. Untuk itu, Yayasan Negeri Sembilan menerusi anak syarikatnya, Kumpulan Akademi YNS (KAYNS) bersetuju memberikan **Geran Khas TVET** sebanyak **RM1 ribu** kepada anak-anak yang belajar di KAYNS mulai sesi akademik tahun 2021 ini. Bagi tujuan ini, Yayasan Negeri Sembilan telah meluluskan dana khas sebanyak **RM0.5 juta** pada tahun 2022. Ini adalah sebahagian dari usaha kerajaan untuk memperkasakan bidang teknikal dan vokasional (TVET) yang berpotensi menawarkan pasaran tenaga buruh yang lebih luas kepada anak-anak negeri ini. Saya yakin, kadar enrolmen pelajar di KAYNS akan terus meningkat sehingga 500 orang pelajar berbanding 270 orang pada masa ini, sebaik sahaja blok akademik baharu di **Kampus ITYNS Gentam** siap sepenuhnya pada awal tahun 2022 nanti. Untuk makluman, status kemajuan di tapak pada masa ini adalah sebanyak **70 peratus**.

#### **Menyediakan Prasarana Kegiatan Ekonomi**

59. Disamping bantuan berbentuk kewangan, usaha pengupayaan keusahawan juga akan dilengkapi dengan penyediaan prasarana



kegiatan ekonomi. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif seperti berikut:

**60. Inisiatif Ke-11 – Pembinaan Pusat Penempatan Semula Penjaja**

Untuk tahun 2021, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak **18 tapak** yang menyediakan **273 petak penjaja** melibatkan tujuh (7) kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk itu, **Pembinaan Pusat Penempatan Semula Penjaja** akan diteruskan lagi agar para penjaja dapat terus menjalankan perniagaan di tempat yang lebih kondusif, selamat dan tersusun dengan peruntukan sebanyak **RM1.0 juta**.

**61. Inisiatif Ke-12**

Selain daripada pusat penjaja, Kerajaan Negeri turut komited untuk membantu memasarkan produk-produk usahawan tempatan dengan menyediakan hub pengumpulan produk di lokasi yang strategik. Menyedari potensi yang ada di kawasan Seremban Gateway, kerajaan bersetuju untuk menaiktaraf bangunan **Kedai Cenderamata Kompleks Taman Seni Budaya** di hadapan Muzium Negeri dengan peruntukan sebanyak **RM2.0 juta** untuk membina sebuah **Hub Pengumpulan Produk NS**. Hub ini dijangka akan turut menjadi tempat tarikan pelancong yang baharu bagi mendapatkan produk-produk keluaran usahawan negeri ini.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

## **BIDANG TUMPUAN 2: PENDIDIKAN**

62. **Bidang Tumpuan Kedua** adalah **Pendidikan**. Untuk tahun 2022 bidang tumpuan ini bakal diperuntukkan sebanyak **RM8.5 juta** merangkumi **tujuh (7) inisiatif**. Pelaburan dalam bidang pendidikan adalah pelaburan jangka panjang yang akan menentukan jatuh bangun sebuah tamadun peradaban bangsa. Jika ingin melihat hebatnya sesebuah bangsa, lihatlah pada kualiti anak mudanya yang ada pada hari ini. Generasi masa hadapan perlu dipersiapkan dengan pengetahuan dan kemahiran. Keperibadian unggul dan seimbang merupakan pelengkap kepada pembentukan karakter insan.

### **Memperkasa Perkembangan Pendidikan**

63. Sebagai manifestasi kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memperkasa perkembangan pendidikan, maka kesemua inisiatif sedia ada akan diteruskan seperti berikut:

#### **64. Inisiatif Pertama – Bantuan Anak Sekolah (B.A.S)**

Inisiatif bantuan tunai sebanyak **RM50 sebulan** kepada anak-anak kumpulan B40 ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 2019 dengan seramai 2,363 murid telah mendapat manfaatnya sehingga kini. Untuk itu, ianya akan diteruskan lagi pada tahun 2022 dengan peruntukan sebanyak **RM0.9 juta** yang bakal memberi manfaat kepada seramai **1,500 orang murid** Darjah 1 hingga Darjah 6 dalam kalangan keluarga yang berpendapatan rendah.

#### 65. **Inisiatif Kedua – Biasiswa Anak Negeri**

Satu lagi bantuan kewangan tunai yang dikekalkan adalah Biasiswa Anak Negeri dikhaskan kepada pelajar cemerlang dalam akademik dan kokurikulum dalam kalangan keluarga yang kurang berkemampuan. Justeru itu, peruntukan sebanyak **RM0.8 juta** disediakan untuk tahun 2022 bagi tujuan pemberian **Biasiswa Anak Negeri**.

#### 66. **Inisiatif Ketiga – Program *Fast Track* Lepasan Tahfiz**

Program ini adalah agenda kerajaan dalam mengarus perdanakan pelajar tahfiz dalam sistem pendidikan negara melalui persiapan pelajar tahfiz untuk mendapatkan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dalam tempoh satu tahun. **Program *Fast Track* Lepasan Tahfiz** ini telah diperkenalkan pada tahun 2021 dengan seramai **50 orang huffaz** telah menjalani pendidikan dalam aliran sastera dan bakal menduduki peperiksaan SPM 2021 pada bulan Mac tahun 2022 yang akan datang. Bagi memberi peluang kepada lebih ramai anak-anak hafiz dan hafizah mengikuti program ini, sukacita saya mengumumkan peluasan pelaksanaan program ini kepada pelajar tahfiz untuk menuntut dalam **aliran sains** pula, dengan peningkatan peruntukan kepada **RM1.0 juta** pada tahun hadapan.

#### 67. **Inisiatif Keempat – Bantuan Sekolah Tahfiz/ SJKC/ SJKT/ Swasta**

Sebagai langkah menyuburkan budaya ilmu dengan melaksanakan program atau projek bagi tujuan pendidikan, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian **Bantuan Sekolah Tahfiz/ SJKC/ SJKT/ Swasta**. Alhamdulillah, dari RM2.5 juta yang diperuntukkan dalam tahun 2021, sebanyak 31 buah sekolah telah mendapat manfaat. Untuk itu, sebanyak **RM2.0 juta** akan diperuntukkan bagi pelaksanaan inisiatif ini pada tahun hadapan.

## **Menambahbaik Infrastruktur Pendidikan**

### **68. Inisiatif Kelima – Tabung Penyelenggaraan Sekolah**

Sebagaimana yang telah saya umumkan semasa Belanjawan Tahun 2020 yang lalu, Negeri Sembilan merupakan negeri yang pertama menubuhkan Akaun Amanah Penyelenggaraan Sekolah di negara ini. Sungguhpun tanggungjawab penyelenggaraan sekolah adalah di bawah Persekutuan, namun kepentingan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat tetap menjadi keutamaan Kerajaan Negeri, merentasi sempadan politik. Bagi meneruskan inisiatif **Tabung Penyelenggaraan Sekolah** ini pada tahun 2022, sebanyak **RM1.0 juta** diperuntukkan menerusi kerjasama dengan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) sekolah-sekolah yang berkenaan.

### **69. Inisiatif Keenam – Rumah Negeri Sembilan @ Kaherah**

Kerja-kerja baikpulih bangunan **Rumah Negeri Sembilan di Kaherah** telah bermula pada 16 Ogos 2021 dengan perkongsian kos bersama pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dengan jumlah keseluruhan RM5.18 juta. Projek ini masih lagi dalam pelaksanaan dan dijangka akan selesai pada 15 Februari 2022. Ketika ini, Rumah Negeri Sembilan di Kaherah hanya mampu menampung 80 orang pelajar dan dijangka dapat ditingkatkan kepada 100 orang pelajar pada satu-satu masa setelah kerja-kerja baikpulih kediaman ini selesai kelak. Pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM1.5 juta** lagi bagi pelaksanaan inisiatif ini.

## **Menambahbaik Tadbir Urus Institusi Pendidikan**

#### 70. **Inisiatif Ketujuh – Elaun Guru KAFA**

Bagi terus mengiktiraf peranan pendidik dalam menyemai asas pendidikan Islam anak-anak di peringkat sekolah rendah, Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif pemberian **Elaun Guru KAFA** kepada 1,862 guru KAFA dengan peruntukan sebanyak **RM1.3 juta**. Jumlah ini adalah sebagai insentif tambahan kepada jumlah elaun yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

### **BIDANG TUMPUAN 3: KEBAJIKAN**

71. **Bidang Tumpuan Ketiga** adalah **Kebajikan**. Aspek kebajikan merupakan asas kepada sesebuah pentadbiran di mana terletaknya penzahiran rasa prihatin pihak kerajaan kepada rakyat. Inisiatif yang akan dilaksanakan ini merupakan *relief* kepada rakyat dalam meringankan bebanan yang ditanggung. Sebanyak **RM3.68 juta** peruntukan disediakan untuk bidang tumpuan ini yang melibatkan **tujuh (7) inisiatif** sedia ada iaitu:

#### **Menyediakan bantuan sektoral**

#### 72. **Inisiatif Pertama – Bantuan Peralatan Implan Ortopedik**

Sehingga kini, seramai 37 individu telah berjaya dibantu dengan menerima **Bantuan Peralatan Implan Ortopedik** melibatkan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM350 ribu pada tahun ini. Alhamdulillah, semua penerima bantuan telah selamat menjalani pembedahan masing-masing

dan diharap bantuan ini dapat memberi kehidupan dan sinar baharu kepada penerima-penerima manfaat berkenaan. Bagi meneruskan inisiatif ini, sebanyak **RM0.5 juta** diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat yang kurang berkemampuan bagi tujuan pembelian alat bantuan sokongan implan ortopedik.

### 73. **Inisiatif Kedua – Tabung Perubatan Haemodialisis**

Bagi meringankan beban pesakit yang kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan dialisis, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif **Tabung Perubatan Haemodialisis** bermula tahun ini dan telah membantu seramai 122 individu. Pelaksanaan inisiatif ini melibatkan kerjasama dengan tiga (3) buah pusat dialisis iaitu Hospital Tuanku Ja'afar, Pusat Perubatan NSMCH dan Hospital Islam Az Zahrah. Bagi meneruskan inisiatif ini sebanyak **RM1.0 juta** diperuntukkan sebagai bantuan kos rawatan.

### 74. **Inisiatif Ketiga – *Food Bank***

Berikutan peningkatan kes COVID-19 pada awal tahun 2021, Kerajaan Negeri telah menyusun semula peruntukan dengan memberi **lebih 50,000 bantuan bakul makanan** kepada rakyat yang terkesan tanpa mengira sempadan bangsa dan politik. Pelaksanaan *Food Bank* ini akan terus ditambah baik dari segi mekanisme dan pemantauannya supaya lebih inklusif dan mampan. Satu bank data penerima sedang dibangunkan menerusi **aplikasi N9 Digital** sebagai gerbang bantuan kebajikan negeri. Ini bagi memastikan bantuan yang lebih holistik dengan pakej yang boleh menjana pendapatan. Satu pusat pengumpulan makanan juga akan diwujudkan supaya aktiviti pengumpulan, pembahagian dan pengedaran bakul makanan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun. Bagi tujuan ini,

Kerajaan Negeri bersetuju meningkatkan peruntukan kepada **RM200 ribu** pada tahun hadapan.

## **Memberikan Perlindungan**

### **75. Inisiatif Keempat dan Kelima – Takaful Khairat Kematian Islam Dan Hibah Takaful Bukan Islam**

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan seluruh rakyat di negeri ini merasa selamat dan dilindungi terutamanya golongan rentan. Kedua-dua inisiatif ini adalah bertujuan untuk meringankan beban dan memberi perlindungan kepada waris yang kehilangan tempat bergantung atau ahli keluarga akibat kematian. Untuk makluman, inisiatif yang mula diperkenalkan dalam Belanjawan tahun 2021 ini, telah dilancarkan pada 14 Julai 2021 yang lalu. Seramai lebih kurang **7,552 orang Ketua Isi Rumah (KIR)** yang beragama Islam dan **3,225 orang Ketua Isi Rumah (KIR)** yang bukan beragama Islam daripada senarai e-Kasih telah dicarum di bawah skim ini. Sebagai tanda prihatin, kerajaan bersetuju untuk meneruskan caruman perlindungan takaful kepada rakyat yang berpendapatan rendah daripada senarai e-Kasih. Caruman ini akan merangkumi perlindungan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) dan tiga orang ahli isi rumah. Waris yang layak akan mendapat hibah atau pampasan sebanyak **RM2 ribu hingga RM6 ribu** bergantung kepada punca kematian. Untuk itu, kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM1.0 juta** bagi **Takaful Khairat Kematian Islam** dan **RM0.5 juta** bagi **Hibah Takaful Bukan Islam**.

## 76. **Inisiatif Keenam – Rumah Minda Ceria**

Pelaksanaan inisiatif ini juga adalah sebagai bukti keprihatinan kerajaan dalam memberi perlindungan kepada golongan gelandangan atau terpinggir untuk mendapatkan kehidupan yang lebih berkualiti. Penubuhan rumah perlindungan bagi golongan gelandangan atau dinamakan sebagai Rumah Minda Ceria (RMC) yang beroperasi pada **1 April 2021** lalu telah mula menunjukkan prestasi yang positif. Para peserta Rumah Minda Ceria dilihat telah mula menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu mereka yang lebih terurus dan kondusif. Pada tahun ini, seramai 12 orang telah menjadi penghuni RMC. Rumah RMC ini akan dapat menampung 20 orang penghuni dalam satu-satu masa. Justeru, sebanyak **RM230 ribu** diperuntukkan untuk meneruskan pelaksanaan inisiatif ini pada tahun 2022.

## 77. **Inisiatif Ketujuh**

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, barisan hadapan yang sentiasa bertungkus lumus membantu Kerajaan Negeri mengenal pasti dan mengagihkan bantuan makanan asas kepada golongan yang terjejas khususnya mereka yang dalam tempoh kuarantin adalah ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Merekalah hero yang tidak didendang yang sanggup meredah hujan malam menghantar bantuan rumah ke rumah walaupun sedar diri mereka turut berhadapan risiko jangkitan. Sebagai menghargai jasa dan pengorbanan pemimpin barisan hadapan ini, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu caruman takaful **Khairat Kematian MPKK** kepada seramai 13 Ahli Jawatankuasa bagi 433 MPKK dengan peruntukan sebanyak **RM250 ribu**. Menerusi skim ini, waris ahli MPKK akan menerima bantuan



kecemasan serta merta sebanyak **RM2 ribu bagi kematian biasa dan RM6 ribu sekiranya disebabkan oleh kemalangan.**

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

#### **BIDANG TUMPUAN 4: PEMERKASAAN KOMUNITI**

78. **Bidang Tumpuan Keempat** adalah **Pemeriksaan Komuniti** dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM21.68 juta** bagi **11 inisiatif**. Komuniti perlu terus diperkasa agar semua masyarakat terangkum dan tiada yang terpinggir. Usaha pemeriksaan ini hendaklah melalui penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan kepada masyarakat serta program *community based* yang akhirnya akan diterjemahkan kepada kesejahteraan dan kesepakatan komuniti.

#### **Menambahbaik intrastruktur komuniti**

79. Kerajaan Negeri akan terus menambahbaik infrastruktur untuk komuniti melalui inisiatif seperti berikut:

#### **80. Inisiatif Pertama – Desa Muafakat NS**

Pelaksanaan **Desa Muafakat NS** ini adalah bagi membantu pemilikan kediaman bagi rakyat yang memerlukan dan membina penempatan penduduk kampung yang lebih terancang selaras dengan Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019 – 2040. Usaha ini diharap dapat mengurangkan penghijrahan golongan produktif keluar dari luar bandar. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk

melaksanakan inisiatif ini di **Kampung Jeram Panjang, Jempol** dan **Kampung Chennah, Jelebu** dengan peruntukan awal berjumlah **RM1.0 juta**.

81. Di kesempatan ini, sukacita saya berkongsi berita gembira buat **8 buah keluarga** di Kampung Chuah, Port Dickson yang telah mendiami tanah kerajaan selama lebih dari 20 tahun untuk menumpang teduh. Alhamdulillah, setelah mengambil kira faktor kebajikan dan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang bersidang pada 13 Oktober 2021 yang lalu telah bersetuju meluluskan pemberi milikan tanah kepada 8 buah keluarga terbabit. Semoga kurniaan ini akan membuka lembaran hidup baharu yang lebih bermakna buat mereka sekeluarga.

## 82. **Inisiatif Kedua– Program Rumah Harapan Rakyat**

Selain daripada itu, kerajaan juga komited untuk memastikan setiap anak negeri mampu memiliki rumah idaman mereka sendiri. Untuk itu, kerajaan akan terus memperhebatkan lagi pembinaan rumah-rumah mampu milik sama ada yang dibina oleh kerajaan mahupun pihak swasta. Sepanjang tempoh tiga tahun pentadbiran ini, sebanyak **18,796 unit Rumah Mampu Milik Swasta** dan **351 unit Rumah Penjawat Awam** telah siap dibina.

83. Bagi memberi lebih banyak peluang kepada rakyat yang memerlukan untuk memiliki kediaman, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Rumah Harapan Rakyat pada tahun 2021. Skim ini menyediakan kemudahan pinjaman tanpa faedah bagi rumah bernilai **RM75 ribu** kepada golongan B40 yang masih belum memiliki rumah dan ingin membina rumah

banglo setingkat di atas bidang tanah masing-masing. Sehingga kini, sebanyak 61 permohonan telah diluluskan dan kini diperingkat pra-pembinaan. Menariknya inisiatif ini, bayaran pinjaman ini hanya akan mula dibayar apabila rumah tersebut telah siap dan selepas penyerahan kunci kepada peserta. Sehubungan itu, sukacita saya umumkan bahawa inisiatif **Rumah Harapan Rakyat** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM5.0 juta**.

#### **84. Inisiatif Ketiga – Penyelenggaraan Perumahan Awam**

Selain daripada pembinaan rumah-rumah baharu, kerajaan turut memberikan perhatian terhadap penyelenggaraan rumah-rumah awam sedia ada supaya kekal berada dalam keadaan baik, kondusif dan berdaya huni. Fokus kepada kerja-kerja **penyelenggaraan skim perumahan awam** bagi menambahbaik kualiti kehidupan penduduk. Untuk tahun 2022, kerajaan akan memberikan peruntukan berjumlah **RM6.3 juta**.

#### **85. Inisiatif Keempat– Penyelenggaraan Perumahan Swasta**

Peruntukan berjumlah **RM1.0 juta** diteruskan oleh Kerajaan Negeri sebagai bukti dan terjemahan keprihatinan dalam usaha menambahbaik kehidupan komuniti yang tinggal di **skim perumahan swasta**. Untuk tahun ini, sebanyak lima (5) skim perumahan telah diselenggara dan memberi manfaat kepada 622 pemilik kediaman yang menghuni di perumahan swasta.

#### **86. Inisiatif Kelima**

Kerajaan Negeri sentiasa mendengar keluh kesah rakyat berkenaan ketidakmampuan pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) terutama dari segi kewangan, di mana

pendapatan tidak dapat dijana melalui kutipan caj perkhidmatan mereka. Justeru bagi meringankan beban JMB/MC, Kerajaan Negeri telah bersetuju melaksanakan satu inisiatif baharu iaitu pemberian **Geran Kepada JMB/MC** dengan peruntukan sebanyak **RM1.41 juta**. Inisiatif bantuan kewangan secara *one-off* ini dijangka dapat membantu **282 JMB/MC** di negeri ini.

### **Meluaskan kemudahan rakyat**

87. Peluasan kemudahan rakyat akan terus ditingkatkan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, usaha peningkatan kemudahan rakyat akan diterjemah melalui pelaksanaan **inisiatif keenam hingga kelapan** iaitu:

#### **88. Inisiatif Keenam – Bas Percuma**

Inisiatif perkhidmatan bas percuma ini akan menjangkau tahun keempat pelaksanaannya pada tahun 2022 kelak. Untuk makluman, peluasan ke daerah Jempol telah dilaksanakan. Seterusnya, peluasan ke daerah Kuala Pilah dirancang akan dimulakan pada tahun hadapan. Sehingga kini, perkhidmatan bas percuma ini telah dimanfaatkan oleh lebih 33 ribu orang pengguna. Sehubungan itu, sebanyak **RM1.0 juta** akan diperuntukkan bagi meneruskan pelaksanaan inisiatif ini.

#### **89. Inisiatif Ketujuh**

Bagi memastikan keterhubungan antara kawasan bandar dan luar bandar, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu perkhidmatan **Bas Luar Bandar** dengan kerjasama MARA Liner. Inisiatif ini akan dilaksanakan di **daerah Tampin dan Rembau** sebagai perintis dengan peruntukan berjumlah **RM1.0 juta**.

## 90. **Inisiatif Kelapan**

Pelaksanaan PKP di seluruh negara telah benar-benar mengubah medium komunikasi dan interaksi sosial rakyat. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara *google meet*, kuliah agama secara *zoom*, bacaan Yasin dan Al-Mathurat secara atas talian, telah menjadi kebiasaan kepada kita semua. Namun, adakalanya liputan dan akses internet di beberapa kawasan masih terbatas sama ada atas faktor geografi, infrastruktur ataupun keupayaan kewangan. Justeru, bagi memastikan setiap rakyat mempunyai akses internet yang berkualiti, maka kerajaan akan melaksanakan satu lagi inisiatif baharu iaitu **Wifi Percuma Komuniti** melalui pemasangan kemudahan wifi di **100 buah balairaya** terpilih dengan peruntukan sebanyak **RM300 ribu**.

### **Menggiatkan aktiviti komuniti**

91. Selain itu, Kerajaan Negeri akan terus menyemarak perpaduan dengan menggiatkan aktiviti komuniti melalui pelaksanaan inisiatif **kesembilan hingga kesebelas**:

## 92. **Inisiatif Kesembilan – Geran Aktiviti MPKK**

Sebanyak **RM2.17 juta** diperuntukkan untuk inisiatif ini bagi membiayai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di peringkat akar umbi dengan kadar **RM5 ribu** bagi setiap MPKK. Kadar ini telah dinaikkan semenjak tahun 2021 agar MPKK dapat mentadbir dengan lebih efektif.

**93. Inisiatif Ke-10 – Geran Aktiviti Belia MPKK**

Selain daripada geran RM5 ribu untuk aktiviti MPKK, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan inisiatif pemerksaan belia akar umbi menerusi pembiayaan aktiviti anak muda di kampung-kampung. Sebanyak **RM3 ribu** akan diperuntukkan kepada setiap MPKK dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak **RM1.3 juta**.

94. Ini menjadikan jumlah geran aktiviti yang bakal diterima oleh setiap MPKK adalah sebanyak **RM8 ribu** yang melibatkan keseluruhan peruntukan berjumlah **RM3.47 juta**.

**95. Inisiatif Ke-11 – ERAT@NS**

Bagi memastikan kestabilan pentadbiran negeri, permuafakatan antara kaum dan agama di negeri ini perlu terus dipupuk dan disemai, ibarat kata bidalan ***sekata tak beralih, janji dibuat dimulihkan, buruk jangan dicari, musuh sama dihadap, berlunak sama berlumpur, kecil besar sama sedayung, sakit satu semua berduka, bak labu nan menjalar, pucuk sama digetus, wakaf sama dipetik, ada sama mendapat, cicir sama dicari, untung laba sama dirasa***. Usaha Kerajaan Negeri untuk menyubur permuafakatan dan perpaduan kaum di negeri ini akan terus diperkukuhkan menerusi geran aktiviti ERAT@NS sebanyak **RM1.2 juta**.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

## BIDANG TUMPUAN 5: BELIA DAN WANITA

96. **Bidang Tumpuan Kelima** adalah **Belia dan Wanita** dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM5.11 juta** bagi **enam (6) inisiatif**. Bak kata perbidalan, ***tahu nan kecil pada nan besar, tahu nan besar pada nan tuo, tahu nan tuo pada nan dulu-dulu, dan tahu nan dulu-dulu pada nenek moyang.*** Bagi memastikan kesinambungan kepimpinan negara dan tanah air, maka perlulah kita persiapkan barisan kepimpinan dalam kalangan anak-anak muda di negeri ini dengan nilai jati diri yang tinggi berpaksikan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. Anak-anak muda dan belia perlulah diberikan peluang yang lebih luas untuk mengembangkan bakat dan ketokohan masing-masing menerusi pelbagai program yang bersesuaian dengan minat dan bakat mereka. Kerajaan Pakatan Harapan sangat komited dalam agenda pemeraksanaan belia termasuklah memperjuangkan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 668) yang menurunkan had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun, seperti yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 Julai 2019 yang lalu. Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju memperuntukkan sebanyak **RM2.0 juta** untuk anak muda, belia dan beliawanis bagi menjayakan **tiga (3) inisiatif**.

### **Memperkasa Belia**

#### **97. Inisiatif Pertama – Tabung Belia Harapan (TABAH)**

Pusat Pembangunan Belia Harapan akan diteruskan sebagai peneraju utama aktiviti belia di negeri ini. Saya rasa amat berpuas hati dengan

pelbagai program belia yang telah berjaya dianjurkan sepanjang tahun 2021 ini. Antaranya ialah program isi minyak motor dan penyelenggaraan sempena Kempen Keselamatan Penunggang Motosikal, kejohanan sukan belia dan beliawanis, Sembang Santai *e-Sports*, Forum Berjaya Bersama TVET secara atas talian dan Pertandingan Bola Sepak Piala YAB Menteri Besar Negeri Sembilan yang sedang berlangsung. Pertandingan ini telah berjaya menarik lebih daripada 200 pasukan dari seluruh Negeri Sembilan. Aktiviti seperti ini perlu terus disokong bagi memastikan belia mengamalkan gaya hidup sihat dan bebas dadah.

98. Selaku peneraju utama, TABAH akan diberikan peruntukan berjumlah **RM1.0 juta** pada tahun hadapan bagi membiayai pelbagai aktiviti yang berupaya membina upaya sahsiah belia. Ini termasuklah pertandingan *e-Sports* dengan peruntukan sebanyak **RM100 ribu** dan **laluan berbasikal RM100 ribu** sebagai permulaan.

#### 99. **Inisiatif Kedua**

Salah satu hikmah pelaksanaan PKP adalah terbukanya pintu rezeki buat anak-anak muda untuk menjadi sebahagian dari barisan hadapan yang berkorban nyawa menghantar bekalan makanan kepada semua pihak sama ada kepada para petugas mahupun rakyat biasa. Adakalanya, anak-anak muda ini terpaksa meredah hujan lebat di malam hari demi memenuhi tuntutan pelanggan walaupun berisiko tinggi. Lebih 1,700 kes kematian *food rider* telah direkodkan kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya sewaktu bertugas. Sebagai bukti keprihatinan kepada *food rider* dalam kalangan anak-anak muda ini, kerajaan mengambil inisiatif untuk memperkenalkan satu lagi inisiatif baharu iaitu perlindungan **Takaful Belia Food Rider** kepada



**100 orang food rider** di Negeri Sembilan dengan caruman pertama berjumlah **RM50 ribu** menggunakan peruntukan TABAH.

#### 100. **Inisiatif Ketiga**

Belia merupakan tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Belia yang sejahtera adalah belia yang bukan sahaja sihat dari segi fizikal, tetapi juga mantap dari sudut intelektual dan spiritual. Belia ini perlu dipersiapkan dengan pelbagai disiplin kepimpinan menerusi modul pembangunan sahsiah secara tersusun dan terpinpin. Untuk itu, sukacita saya mengumumkan satu lagi inisiatif baharu **Belia Sejahtera** atau **BEST** dengan peruntukan sebanyak **RM1.0 juta**. Besarlah harapan kerajaan, agar peruntukan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh anak-anak muda agar mereka terus *resilient* dalam menghadapi pelbagai cabaran pasca COVID-19 ini.

#### **Memartabatkan Wanita**

101. Tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia. Begitulah besar peranan golongan wanita dalam institusi keluarga. Melihat kepada pelbagai kejayaan dan keberhasilan **tiga (3) inisiatif** sedia ada, maka, kerajaan bersetuju untuk meneruskan inisiatif tersebut pada tahun hadapan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM3.11 juta** seperti berikut:

#### 102. **Inisiatif Pertama – Care For You (C4U)**

Inisiatif pemberian bantuan tunai secara *one-off* berjumlah **RM200 seorang** kepada ibu-ibu tunggal akan diteruskan lagi pada tahun hadapan. Untuk itu,

peruntukan berjumlah **RM1.0 juta** disediakan dan akan memberi manfaat kepada **5 ribu orang ibu tunggal**.

#### 103. **Inisiatif Kedua – i-SURI**

Kerajaan Negeri akan meneruskan sumbangan caruman tambahan dalam KWSP untuk suri rumah yang tidak bekerja dengan jumlah peruntukan berjumlah **RM0.51 juta**.

#### 104. **Inisiatif Ketiga – PH GEM**

Selain dari bantuan tunai kepada ibu tunggal, kaum wanita juga terus diperkasa dengan pelbagai bentuk latihan kemahiran dan bimbingan melalui program **Power House Wanita Gemilang (PH GEM)**. Buat kaum ibu dan wanita, Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif PH GEM untuk pelaksanaan aktiviti bersifat latihan kemahiran dan sokongan dengan peruntukan berjumlah **RM1.6 juta**. Untuk tahun 2021, sebanyak 54 program telah dilaksanakan melibatkan 3,838 peserta. Pelaksanaan inisiatif PH Gem ini diharap mampu mendaya upayakan golongan wanita dalam menjana pendapatan tambahan untuk keluarga.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

### **BIDANG TUMPUAN 6: KEROHANIAN DAN AGAMA**

105. **Bidang Tumpuan Keenam** adalah **Kerohanian dan Agama** dengan peruntukan sebanyak **RM5.32 juta** bagi **empat (4) inisiatif**. Alhamdulillah, sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa menjunjung Agama Islam sebagai agama rasmi negara, Kerajaan Negeri akan terus memperkasakan syiar

Islam di negeri ini melalui pelbagai inisiatif dan program kerohanian bagi melahirkan *khaira ummah*.

106. *Khaira ummah* atau umat terbaik pasti mempunyai kualiti iman dan berani menegakkan kebenaran, keadilan, kebijaksanaan dan kemakmuran disamping mencegah segala bentuk kejahatan, kejahilan, kezaliman dan tipu daya selaras dengan nilai “*amar ma’ruf dan nahi munkar*”. Seterusnya menjadi umat “*ukhrijat lin naas*” iaitu umat yang berupaya menyumbang kebaktian kepada masyarakat dalam konteks yang menyeluruh dan inklusif. Mengamalkan sikap keterbukaan dalam menyantuni rakyat pelbagai kaum dan agama selaras semangat “*rahmatan li ‘l-`alamin*” yang menjadi ciri asasi risalah Islam. Justeru, umat Islam adalah pemikul amanah melayani seluruh umat manusia dengan prinsip damai dan memastikan semuanya termasuk Muslim dan bukan Muslim, sama-sama dapat menikmati rahmat kurnia Tuhan.

### **Memperkasa Syiar Islam**

107. Untuk itu, kerajaan akan meneruskan inisiatif sedia ada seperti berikut:

#### **108. Inisiatif Pertama – Pembangunan Sumber Daya Insan**

Inisiatif ini memberi fokus kepada pelaksanaan program-program **pembangunan sumber daya insan** bagi membina keperibadian muslim dengan peruntukan berjumlah **RM0.5 juta**.

#### 109. **Inisiatif Kedua – Elaun Guru Takmir**

Peruntukan berjumlah **RM180 ribu** disediakan untuk meneruskan pemberian **elaun kepada Guru Takmir** sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan mereka dalam mendidik ummah dan masyarakat celik Al-Quran.

#### 110. **Inisiatif Ketiga – Elaun Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita**

Bagi menghargai peranan penggerak institusi masjid kepada masyarakat, kerajaan bersetuju untuk meneruskan pemberian **elaun bilal, siak dan pembantu am wanita** melibatkan 901 orang dengan peruntukan berjumlah **RM2.84 juta**.

### **Melaksana Aktiviti Bagi Hal Ehwal Bukan Islam**

#### 111. **Inisiatif Keempat – HEBI**

Sebagai sebuah negeri yang majmuk, kerajaan tetap menjunjung prinsip menghormati kepelbagaian kaum dan agama. ***Sebagai pemimpin, tidak boleh memilih-pilih, kalau limau, jangan masam sebelah. Kok mengukur, biarlah sama panjang, kok menimbang, biarlah sama berat, kok membahagi, biarlah sama banyak. Tahu menimbang, tahu mengagak, tahu mengagihkan.*** Bagi menjaga kepentingan hal ehwal agama bukan Islam, Akaun Amanah **Hal Ehwal Bukan Islam** telah ditubuhkan sejak tahun 2019 yang lalu dengan geran permulaan sebanyak RM1.5 juta. Geran ini digunakan untuk membantu membiayai pelbagai aktiviti pertubuhan-pertubuhan agama dan rumah ibadat bukan Islam. Kefahaman dan toleransi yang tinggi dalam agama amat penting untuk mengekalkan kestabilan dan ketenteraman awam di negeri ini. Untuk itu,

inisiatif ini akan diteruskan lagi pada tahun 2022 dengan peruntukan sebanyak **RM1.8 juta**.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

## **BIDANG TUMPUAN 7: INSTITUSI ADAT**

112. **Bidang Tumpuan Ketujuh** adalah **Institusi Adat**. Sebagai satu-satunya negeri yang mengamalkan Adat Perpatih di negara ini, keunikan adat dan keistimewaan budaya tradisi negeri ini perlu disemarak dan diketengahkan. Untuk bidang tumpuan ini sebanyak **RM2.5 juta** diperuntukkan bagi membiayai sebanyak **tiga (3) inisiatif**.

### **Memartabat Adat dan Budaya**

113. Oleh itu, bagi memartabatkan adat dan budaya kita, kerajaan akan melaksanakan inisiatif berikut:

#### **114. Inisiatif Pertama – Geran Aktiviti Adat**

Peruntukan berjumlah **RM0.5 juta** akan diperuntukkan kepada Lembaga Muzium Negeri bagi menganjurkan aktiviti adat dan budaya.

#### **115. Inisiatif Kedua – Bangunan / Rumah Warisan**

Untuk makluman, ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membaikpulih rumah dan bangunan lama sebagai tarikan pelancong. Inisiatif ini juga diwujudkan untuk memastikan keaslian senibina terpelihara di mana pelaksanaan projek pemuliharaan dilakukan di bawah pemantauan pakar

senibina. InsyaAllah semoga dengan usaha ini, warisan senibina rumah tradisi dapat dikekalkan untuk diamati dan dihargai generasi akan datang. Sehingga kini, sebanyak lima (5) buah **bangunan atau rumah warisan** telah dibaik pulih. Bagi meneruskan inisiatif ini, sebanyak **RM1.0 juta** akan diperuntukkan lagi pada tahun 2022.

#### 116. **Inisiatif Ketiga**

Bagi mempergiatkan aktiviti seni budaya negeri ini, suka saya umumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu pembinaan **Dataran Adat Perpatih** dengan peruntukan berjumlah **RM1.0 juta**. Dataran di kawasan Muzium Negeri ini kelak, akan digunakan untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti kebudayaan yang mampu menjadi tarikan pelancong.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

### **BIDANG TUMPUAN 8: PENTADBIRAN**

117. **Bidang Tumpuan Kelapan** adalah **Pentadbiran**. Peranan dan tanggung jawab anggota penjawat awam negeri ini ibarat kata teromba ***tempatnyanya yang bergelombang air, tempat ombak yang memecah, tempat pasir yang memutih, tempat beting yang menyulur, tempat pulau yang menanjang, tempat dagang keluar masuk.*** Kerajaan di bawah pimpinan saya ini akan meneruskan usaha menambah baik kualiti dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Untuk tujuan itu, sebanyak **RM1.6 juta** diperuntukkan bagi meneruskan pelaksanaan **dua (2) inisiatif**.

## **Meluaskan *Digital Governance***

118. Untuk makluman, pada 13 Oktober 2021 yang lalu, saya telah melancarkan **e-PTGNS** yang merupakan perkhidmatan secara atas talian bagi bayaran cukai tanah, semakan status urusan tanah, belian dokumen carian persendirian dan carian rasmi. Ini merupakan bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cepat dan efisien. Semoga kemudahan yang disediakan ini dapat dimanfaatkan oleh rakyat dalam urusan perkhidmatan tanah.

119. Usaha pemodenan tadbir urus dengan meluaskan *digital governance* akan terus dilaksanakan, kerana penggunaan teknologi mampu menambah baik kualiti perkhidmatan dan mengurangkan ketirisan selaras dengan asas pertama pentadbiran Kerajaan Negeri iaitu **BERSIH**. Untuk itu, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berikut:

### **120. Inisiatif Pertama – SPTB Plus**

Inisiatif ini merupakan usaha kerajaan untuk terus mentranfomasi dan memperkukuh sistem pengurusan tanah kepada *web-based*. Untuk itu, peruntukan berjumlah **RM1.0 juta** akan diteruskan pada tahun hadapan.

### **121. Inisiatif Kedua – Peluasan e-Doket**

Kerajaan Negeri telah mula melaksanakan e-Doket sejak tahun 2019. Sebanyak 11 tapak baharu permit telah menggunakan e-Doket untuk tahun 2021. Bagi meningkatkan kutipan royalti dan memudahkan pemantauan, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak **RM0.6 juta** untuk meneruskan inisiatif ini pada tahun hadapan.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

## **BELANJAWAN PEMBANGUNAN 2022**

122. Seiring dengan hala tuju belanjawan negara, tumpuan utama pada ketika ini adalah untuk memulih, membina ketahanan dan menyusun semula ekonomi pasca COVID-19. Suntikan dana awam dan intervensi kerajaan menerusi peruntukan pembangunan adalah perlu dalam usaha menyegarkan kembali aktiviti ekonomi domestik yang suram. Untuk itu, sukacita saya mencadangkan sejumlah **RM130 juta** untuk diperuntukkan dalam Belanjawan Tahun 2022 bagi membiayai sebanyak **227 projek baharu** dan **55 projek sambungan**. Peruntukan pembangunan ini adalah seiring dengan hala tuju Rancangan Malaysia Kedua Belas Negeri yang bermula pada tahun 2021 hingga 2025. Perancangan pembangunan negeri untuk lima tahun ini sentiasa mengutamakan prinsip keadilan, keterangkuman, keseimbangan dan kelestarian ekonomi.

123. Pecahan terperinci agihan peruntukan pembangunan adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan Sosial: **RM45.28 juta** atau **34.83 peratus**;
- ii. Pentadbiran: **RM26.44 juta** atau **20.34 peratus**;
- iii. Infrastruktur: **RM21.61 juta** atau **16.62 peratus**;
- iv. Kerohanian: **RM20.00 juta** atau **15.38 peratus**;
- v. Pertanian: **RM13.50 juta** atau **10.39 peratus**; dan
- vi. Pelancongan: **RM3.17 juta** atau **2.44 peratus**.



## PEMBANGUNAN SOSIAL

124. Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan utama kepada sektor pembangunan sosial yang kekal menjadi sektor terbesar menerima agihan peruntukan pembangunan berjumlah **RM45.28 juta**. Antara agihan perbelanjaan di bawah sektor ini merangkumi **RM30.0 juta** untuk **Perkhidmatan Masyarakat**, **RM6.3 juta** untuk **Penyelenggaraan Infrastruktur Rumah Awam Harga Rendah (RAHR)**, **RM5.0 juta** untuk **Pelaksanaan Projek-Projek Kecil** di semua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan **RM1.0 juta** untuk **Program Pencahayaan Jalan Negeri**.

## PENTADBIRAN

125. Bagi **sektor pentadbiran**, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM26.44 juta**. Antara perbelanjaan untuk sektor pentadbiran ini termasuk agenda *digital governance*, baik pulih dan naik taraf bangunan kerajaan dan keperluan luar jangka. Pandemik COVID-19 telah mencetuskan fenomena baharu penggunaan digital dan perkhidmatan atas talian dalam semua urusan kehidupan harian. Budaya tanpa tunai telah menjadi amalan biasa dengan penggunaan **e-Wallet** seperti QR Pay, TouchNGo e-Wallet dan Boost. Begitu juga dengan urusan mesyuarat, seminar dan majlis-majlis rasmi kerajaan yang semakin biasa dianjurkan secara atas talian sebagai norma baharu. Bagi tujuan itu, kerajaan memperuntukkan **RM8.3 juta** untuk memperkukuh agenda **digital governance** dalam semua sektor pentadbiran.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

## KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

126. Pembangunan kemudahan infrastruktur amat penting bukan sahaja untuk merangsang pembangunan ekonomi negeri tetapi untuk memastikan kemudahan yang selesa dan selamat kepada rakyat selaras dengan tuntutan maqasid syariah untuk menjaga keselamatan nyawa. Kerajaan Negeri sedang melaksanakan penggantian dua (2) jambatan baharu di **Sungai Batang Jerlang, Jalan Warisan Puteri dan Kampung Batang Benar ke Kawasan Industri Nilai** berjumlah **RM3.78 juta**. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pembinaan enam (6) jalan baharu dengan peruntukan tahun 2022 berjumlah **RM2.94 juta** serta membaiki persimpangan dan selekoh berbahaya sebanyak **RM1.03 juta**. Secara keseluruhan peruntukan pembangunan untuk kemudahan infrastruktur berjumlah **RM21.61 juta**. Di kesempatan ini, sukacita saya maklumkan, **Projek Pembinaan Jambatan Kedua Sungai Batang Benar** yang telah saya bentangkan semasa sidang belanjawan yang lalu, kini telah pun mula dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun awal tahun 2023.

127. Perubahan iklim dan cuaca yang tidak menentu memerlukan perhatian serius oleh kerajaan. Sebagai usaha untuk mengelakkan dan kawalan kejadian banjir, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM3.0 juta** untuk kerja-kerja pendalaman sungai di bawah **Rancangan Tebatan Banjir** dan **RM3.8 juta** untuk **Projek Pengindahan Lembangan dan Koridor Sungai**.

## KEROHANIAN

128. Syiar Islam akan terus diperkasa oleh Kerajaan Negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang mengangkat Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Pembangunan masjid, surau dan sekolah agama akan terus digandakan mengikut keutamaan dan keupayaan kewangan negeri. Untuk makluman sidang dewan yang mulia, sejak Kerajaan PH mentadbir negeri ini, sebanyak **enam (6) buah masjid baharu** telah diluluskan pembinaannya dengan menggunakan peruntukan negeri dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM41 juta**. Alhamdulillah, kerja-kerja pembinaan **Masjid Warisan Puteri** dan **Masjid Forest Height** sedang rancak dilaksanakan. Selain daripada pembinaan masjid, kerja-kerja menaik taraf **Sekolah Tinggi Agama Malaysia (STAM)**, **Maahad Ahmadi** juga sedang giat dilaksanakan dengan kos sebanyak **RM13.1 juta**.

129. Bagi meneruskan lagi agenda pemeraksanaan agama ini, sebanyak **RM20.0 juta** telah diperuntukkan untuk sektor kerohanian pada tahun 2022. Ini termasuklah pembinaan semula **Masjid Kariah Kampung Bongek** yang telah terbakar pada **11 April 2021** dengan peruntukan sebanyak **RM5.0 juta** untuk tempoh 3 tahun. Selain Masjid Kariah Kampung Bongek, sukacita saya umumkan pembinaan **Masjid Kariah Ulu Beranang** yang berada dalam keadaan uzur dan tidak selamat digunakan dengan kos **RM5.0 juta**. Untuk itu, peruntukan awalan sebanyak **RM160 ribu** akan disediakan pada tahun hadapan bagi kerja-kerja meroboh, reka bentuk dan tender.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

## **PERTANIAN**

130. Sektor Pertanian merupakan sektor ekonomi bernilai tinggi yang mempunyai kesan pengganda di Negeri Sembilan. Wilayah Negeri Sembilan Timur telah dizonkan sebagai Wilayah Agropolis dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan (RSNS) 2045 berdasarkan potensi sumber yang ada.

131. Menyedari kepentingan dan potensi tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan untuk **sektor pertanian** sebanyak **RM13.5 juta**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2.4 juta** telah diperuntukkan bagi **program peningkatan hasil sayuran dan buah-buahan** meliputi penyediaan input pertanian, perkhidmatan teknologi dan infrastruktur. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pelaksanaan **projek pengukuhan infrastruktur pusat pengembangan pertanian** yang dijangka mampu menggalakkan sektor agro-pelancongan dengan peruntukan sebanyak **RM2.0 juta**. Bagi **program peningkatan pengeluaran ternakan** sebanyak **RM2.07 juta** akan disediakan untuk membantu penternak meningkatkan pengeluaran hasil ternakan.

## **PELANCONGAN**

132. Sektor pelancongan merupakan antara sektor yang paling terjejas kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani pandemik COVID-19. Alhamdulillah, Kerajaan Persekutuan pada **11 Oktober 2021** telah membenarkan aktiviti rentas negeri yang secara langsung membuka semula sektor pelancongan.

133. Bagi membantu penggiat industri pelancongan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan **diskaun atau rebat Fi Lesen Perniagaan bagi segmen penginapan dan hotel sebanyak 50 peratus bagi tahun 2022** sebagaimana yang telah saya umumkan pada 28 Julai 2021 yang lalu. Insentif ini dijangka akan melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak **RM127 ribu** yang memberikan manfaat kepada lebih 150 buah hotel dan penginapan di seluruh Negeri Sembilan.

134. Dikesempatan ini, saya menjemput seluruh rakyat marilah melancong dan berkunjung ke Negeri Sembilan. Terdapat pelbagai tempat dan aktiviti menarik di negeri ini. Jemputlah berkunjung ke Muzium Negeri di Seremban bagi mengenali keunikan adat dan budaya negeri. Silalah merasai produk salai dan masak lemak cili api di Kuala Pilah sambil singgah ke Istana Lama Seri Menanti. Berkunjunglah ke Teratak Za'ba, pendeta bangsa di Jempol sambil menikmati keindahan sawah perkampungan sekitar. Terokailah keindahan alam dengan ekspedisi ke Jeram Berungut di Taman Negeri Kenaboi di Jelebu. Memancing udang di Sungai Linggi atau mendaki Gunung Datuk di Rembau. Bermandi manda di Pantai Peranginan Port Dickson sambil berkunjung ke PD Forest. Jangan lupa, bawalah pulang rendang maman dan Kopi Gemas sebagai oleh-oleh dari Tampin.

135. Untuk sektor pelancongan, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak **RM3.17 juta** bagi meningkatkan daya tarikan pusat-pusat pelancongan di negeri ini. Sebanyak **RM1.07 juta** akan diperuntukkan untuk **kerja-kerja menaik taraf produk pelancongan**. Produk eko-pelancongan di negeri ini akan terus ditambah baik melalui kerja **penyelenggaraan hutan-hutan lipur** sebanyak **RM0.50 juta**.

136. Bagi memperkukuh aktiviti eko-pelancongan, kerajaan akan melaksanakan **Pembangunan Infrastruktur Penghujung Banjaran Titiwangsa** di daerah Tampin dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM0.5 juta**. Pelaksanaan produk baharu pelancongan ini akan menjana dan memberi limpahan ekonomi kepada masyarakat sekitar.

## **PENJAWAT AWAM**

137. Bagi menambahbaik urus tadbir kerajaan, tidak dilupakan adalah kebajikan **lebih 3,600 orang kakitangan awam negeri** yang sentiasa komited dalam menggalas tanggungjawab masing-masing. Sehingga **15 November 2021**, sebanyak **112 pinjaman kenderaan** telah diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak **RM3.3 juta**. Manakala, sebanyak **66 pinjaman pembelian komputer** pula telah diluluskan sebanyak **RM238 ribu**. Pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan **skim pinjaman pembelian kenderaan dan komputer dengan kosong peratus faedah**.

138. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada penjawat awam yang sentiasa mencurahkan khidmat bakti tanpa berbelah bahagi kepada kerajaan dan rakyat, sukacita saya mengumumkan **Bantuan Khas Kewangan (BKK)** sebanyak **setengah bulan gaji** atau **minimum seribu ringgit** kepada semua penjawat awam yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Bantuan khas ini akan dibayar selewat-lewatnya pada minggu kedua Januari tahun 2022.

## **PENUTUP**

139. Kerajaan Negeri telah menyusun perancangan untuk tahun hadapan. Justeru, saya mengajak seluruh rakyat negeri ini mengambil peluang atas tawaran dan inisiatif yang telah dirancang tersebut. Saya juga meminta semua agensi dan jabatan kerajaan untuk menjadi pemudah cara dan membantu rakyat untuk mendapatkan tawaran dan inisiatif ini.

140. Perancangan kita itu usaha. Kita merancang, Allah juga merancang dan Allah adalah sebaik-baik perancang. Marilah kita berdoa segala perancangan dan usaha kita ini diterima oleh Allah S.W.T sebagai kebajikan dan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

***Untun-untun keladi untun  
Keladi untun banyak duri  
Telah puas saya berteromba dan berpantun  
Mohon saya mengundur diri***

141. Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 dibacakan untuk kali kedua.

Sekian, terima kasih.